

Berita Harian

Sebuah Penerbitan SPH Media Limited

Saat A. Rahman
Editor

Nazry Mokhtar
Timbalan Editor

Puad Ibrahim
Editor Bersekutu

Untuk menghubungi BH bagi bahan berita

Berita Setempat:
Hadi Saparin - 6319 5038
mhadi@sph.com.sg

Berita Perniagaan & Ekonomi:
Norhaiza Hashim - 6319 5625
norhaiza@sph.com.sg

Berita Gaya Hidup:
Hanim Mohd Saleh - 6319 5418
hanim@sph.com.sg

www.beritaharian.sg | Berita Harian Singapura | beritaharian | beritaharian

Berita Harian ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN

Berpantang maut sebelum ajal. Demikian kisah dua wanita yang melalui pembedahan pemindahan organ pada usia yang muda bagi menyelamatkan nyawa. **BERITA HARIAN** selongkar kisah mereka harungi cabaran yang dilalui.

Pulih sepenuhnya selepas lalui pemindahan hati pada usia 11 tahun



DIBERI PELUANG HIDUP: Cik Raziah Begum Alamgir bersama anak-anaknya (dari kiri) Alesha Fatima, tiga tahun, Muhammad Farhaan, 12 tahun, dan Muhammad Faheem, lapan tahun. – Foto-foto HOSPITAL UNIVERSITI SINGAPURA (NUH)

► MUHAMMIN SUZAINI
msuzaini@sph.com.sg

SIAPA sangka kulit gatal yang dialami Cik Raziah Begum Alamgir tatkala usia beliau di peringkat sekolah rendah sebenarnya adalah simptom bagi kegagalan hati yang memerlukan pembedahan pemindahan hati.

Sekiranya beliau tidak menerima pemindahan hati dalam masa terdekat, ia bakal menggadai nyawanya kerana peluang hidup amat tipis bagi mereka yang menghidap penyakit sedemikian – lebih-lebih untuk usia sepetinya.

Ini setelah kakak beliau juga mendapat diagnosis yang sama seperti ini dan malangnya menghembuskan nafas terakhir pada usia yang muda.

Ibu kepada tiga orang anak dan jurujual kosmetik itu, yang kini berusia 38 tahun, berkata:

“Sangkaannya adalah saya tidak ada waktu yang lama untuk hidup pada waktu itu (selepas mengetahui diagnosis).”

Beliau mula mengalami gatal-gatal di seluruh badan dan kembung perut – sehinggalah beliau tidak dapat tidur dan “menggigit bahagian yang gatal sehingga keluar darah”, kerana ia terlalu gatal – pada 1993 semasa usianya sembilan tahun.

“Saya tidak dapat tidur semalaman dan berasa sangat panas (pada malam hari), meskipun penyaman udara dihidupkan pada suhu terendah.

“Apabila saya ke sekolah, saya rasa sangat mengantuk dan tidak dapat tumpukan perhatian,” jelasnya.

Pada usia itu, beliau dan ibunya menyangka gatal-gatal tersebut tidaklah begitu serius kerana mereka telah cuba mencari rawatan di beberapa hospital untuk mengetahui diagnosis sebenar.

Pada 1995, semasa usianya 11 tahun, beliau dan ibunya ke Hospital Universiti Nasional (NUH) untuk mencari rawatan dan diberi diagnosis kegagalan hati setelah pelbagai ujian dijalankan.

“Semangannya ibu bapa saya terkejut tetapi pada waktu itu, saya jangkakan rawatan tersebut adalah ringan saja,” ujarnya.

Mujur beliau tidak perlu tunggu lama untuk dapatkan hati kerana pada tahun yang sama, beliau diberi tawaran untuk menjalani pembedahan pemindahan hati – pertama kali dibuat pada seorang pesakit pediatrik di Si-

KEMBALI SEKOLAH SELEPAS PEMBEDAHAN:
Gambar yang diambil pada 1995 ini menunjukkan Cik Raziah kembali ke sekolah selepas pembedahannya.



“

Sangkaannya adalah saya tidak ada waktu yang lama untuk hidup pada waktu itu (selepas mengetahui diagnosis).

Semangannya ibu bapa saya terkejut tetapi pada waktu itu, saya jangkakan rawatan tersebut adalah ringan saja.

– Cik Raziah Begum Alamgir, pesakit kegagalan hati dan ibu tiga anak.

ngapura pada waktu itu.

Ibu bapa Cik Raziah pada awalnya tidak memaklumkan kepadanya akan pembedahan yang bakal dilalui kerana ingin beliau “tenang dan berada dalam keadaan baik”.

“Saya mula mengesyaki saya akan melalui pembedahan pada malam sebelum pembedahan, selepas saudara saya bertanya sekiranya pembedahan sudah selesai,” jelasnya.

Tambahan juga, pakar bedah yang menjalankan pembedahan beliau, Perunding Emeritus Profesor Prabhakaran Krishnan, memberi kata-kata perangsang kepadanya – sehingga hari ini, beliau masih berhubungan dengannya.

Dalam pada itu, berkongsi pengalamannya selepas melalui pembedahan

tersebut, beliau berasa agak terkilan melihat wajah-wajah di sekeliling katil wadnya, serta wayar yang ada di tubuhnya.

“Kali pertama bila saya sedar adalah saya dapat rasa kesakitan yang tidak saya jelaskan.

“Saya terlihat wajah ibu dan beliau menenangkan saya dengan memaklumkan semuanya baik-baik saja,” ujar Cik Raziah.

Oleh kerana beliau merupakan pesakit pediatrik pertama yang melalui pembedahan itu, ia mengambil masa sedikit untuk kembali seperti sediakala.

“Pengalaman ini mengajar saya untuk mengambil pendekatan langkah demi langkah supaya saya dapat pulih sepenuhnya dan keajaiban memang terjadi,” jelas beliau.

Tabah hadapi dugaan kesihatan pada usia muda



KEHIDUPAN SEPERTI BIASA: Cik Dian Zuhairah Wydatie (depan) dalam satu perkhemahan yang dikendalikan NUH-NKF (Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan). – Foto HOSPITAL UNIVERSITI NASIONAL (NUH)

‘Hadiah’ ulang tahun bantu teruskan kehidupan

HADIAH ulang tahun ke-17 Cik Dian Zuhairah Wydatie begitu istimewa kerana ia adalah sesuatu yang memberi kelangsungan hidup baginya.

Apa tidaknya, tatkala remaja seusianya lumrahnya menerima hadiah seperti kek untuk merayakan ulang tahun, beliau menerima buah pinggang baru setelah disahkan menghidap kegagalan buah pinggang pada November 2020.

“Saya masih ingat lagi pembedahan untuk pemindahan buah pinggang saya adalah sehari selepas ulang tahun saya... jadi saya perlu menyambutnya di hospital,” ujar pelajar tahun pertama kursus kejururawatan di Politeknik Ngee Ann (NP) itu.

Beliau berjaya menjalani pembedahan tersebut di Pusat bagi Pemindahan Organ Universiti Nasional (NUCOT) Hospital Universiti Nasional (NUH) pada 2021 tanpa sebarang komplikasi dan kini perlu terus mengambil ubat-ubatan bagi memastikan kesejahteraan buah pinggangnya kekal stabil.

Cik Dian berkongsi bahawa beliau mula mengalami gejala pada usia 16 tahun beberapa minggu selepas tamat peperiksaan GCE peringkat ‘O’.

Ini setelah beliau cepat rasa penat dan sukar bermafas, sehinggalah beliau “tiada daya untuk ke mana-mana kerana terlalu lelah”.

“Sebelum ini, saya berasa sihat dan jarang sakit,” tambah anak ketiga daripada lima beradik berusia 18 tahun itu.

Selama lapan bulan sebelum pembedahan pemindahan buah pinggangnya, beliau perlu menjalani dialisis secara kerap dan menjaga pemakanannya supaya keadaannya kekal stabil.

Cik Dian berkata: “Saya melalui dua jenis dialisis, iaitu hemodialisis untuk dua bulan, dan kemudian dialisis peritoneum untuk enam bulan.

“Bagi hemodialisis, saya perlu menjalaninya sekitar tiga kali seminggu dan dialisis peritoneum pula, sekitar 10 jam setiap hari.”

Hemodialisis ialah rawatan untuk menapis sisa dan air daripada



JALANI RAWATAN:
Gambar menunjukkan Cik Dian (kanan) semasa menjalani dialisis. Bersamanya ialah ibunya, Cik Zuzi Anggriany. – Foto ihsan ZUZY ANGGRIANY

“

Saya masih ingat lagi pembedahan untuk pemindahan buah pinggang saya adalah sehari selepas ulang tahun saya... jadi saya perlu menyambutnya di hospital.

Sebelum ini, saya berasa sihat dan jarang sakit.

– Cik Dian Zuhairah Wydatie, pesakit buah pinggang dan pelajar tahun pertama kursus kejururawatan di Politeknik Ngee Ann (NP).

darah, manakala dialisis peritoneum adalah rawatan yang menggunakan lapisan perut bagi menapis darah di dalam badan.

Menurut beliau, tempoh itu paling sukar baginya kerana di samping perlu ulang-alik sekolah dan mengimbangi pelajaran, beliau sering mengalami sakit kepala yang teruk dan pitam dengan mudah apabila melakukan sesuatu.

Lebih-lebih lagi, beliau perlu lakukan perjalanan dari rumahnya pada waktu itu di Onan Road ke Politeknik Republic – beliau baru-baru ini menukar jurusan ke NP – yang memakan masa hampir sejam sehala.

Lantaran itu, beliau bersyukur kerana pembedahannya berjalan lancar dan diberi peluang kelangsungan hidup.

“Saya rasa lebih sihat. Kekuatan fizikal masih agak lemah tetapi saya bersyukur dapat meneruskan kehidupan seperti sediaakala,” tambah Cik Dian.

Dek pengalaman beliau menghadapi penyakit yang dihadapi, beliau meletakkan tekad untuk “menjadi seseorang yang berguna” dan menabur bakti kepada masyarakat kembali.

Di samping itu, beliau menjelaskan bahawa episod yang dilalui ini telah mengajar erti kecekalan dan enggan menyerah.

“Jangan pernah menyerah kalah. Sungguhpun anda berasa seperti anda tewas, kuatkan semangat dan teruskan berjuang.

“Kesudahan yang anda lalui bukanlah untuk selama-lamanya kerana ia akan berakhir jua,” jelas beliau dengan nada penuh keyakinan.